

**ANGKA GILIRAN:** \_\_\_\_\_

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JTW 124/JTW 224 – Pengenalan Kepada Psikologi Pengurusan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN BELAS (18)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan di atas borang OMR.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Keseluruhan soalan diperuntukan 100 markah.

1. William James yang menyumbang kepada Teori Emosi James-Lange berkait rapat dengan pendekatan psikologi berbentuk \_\_\_\_\_
  - A. strukturalisme
  - B. fungsionalisme
  - C. psikoanalisis
  - D. kemanusiaan
2. Motivasi sebagai naluri (*instinct*) adalah \_\_\_\_\_.
  - A. naluri semula jadi yang mendorong sesuatu tingkah laku
  - B. perbuatan berdasarkan matlamat yang hendak dicapai
  - C. kelakuan manusia didorong oleh apa yang mereka ketahui
  - D. semua jawapan di atas
3. Motivasi yang berpunca daripada keinginan yang terhasil apabila ada keperluan yang dipenuhi adalah motivasi \_\_\_\_\_.
  - A. naluri
  - B. dorongan
  - C. dalaman
  - D. utama
4. Motivasi dorongan adalah suatu rangsangan yang disebabkan oleh \_\_\_\_\_.
  - A. keperluan utama
  - B. keperluan yang sangat penting
  - C. keperluan semasa
  - D. keperluan berdasarkan apa yang mereka ketahui.
5. Homeostasis adalah \_\_\_\_\_.
  - A. dorongan semula jadi daripada orang yang mendorong tingkah laku tersebut
  - B. suatu keadaan yang berkaitan dengan keseimbangan dalam badan
  - C. dorongan yang tidak berkaitan secara langsung dengan keperluan biologi
  - D. tiada jawapan di atas.
6. Contoh dorongan utama (*primary drive*) adalah \_\_\_\_\_.
  - A. ganjaran
  - B. makanan
  - C. pujian
  - D. hadiah

7. Contoh dorongan kedua (*secondary drive*) adalah \_\_\_\_\_.
- makanan
  - air
  - perlindungan
  - cita-cita
8. Dorongan untuk keperluan asas seperti lapar berdasarkan keadaan psikologikal adalah motivasi \_\_\_\_\_.
- utama (*primary drive*)
  - dalaman
  - dorongan
  - kedua (*secondary drive*)
9. Keperluan seperti makanan atau air mendorong badan untuk mengekalkan \_\_\_\_\_.
- motivasi
  - kenaikan pangkat
  - kesihatan
  - homeostasis
10. \_\_\_\_\_ mengesan keperluan homeostasis berdasarkan maklum balas yang diterima daripada sistem dalam badan.
- Deria
  - Tahap dahaga
  - Otak
  - Kandungan lemak
11. Gelung maklum balas negatif (*negative feedback loop*) adalah \_\_\_\_\_ dalam badan yang mengawal dan menyesuaikan tahap motivasi kita untuk mengekalkan keadaan homeostasis.
- jaringan untuk menentukan kandungan gula
  - satu sistem maklum balas
  - dorongan dalaman
  - jaringan yang melemahkan sistem pertahanan badan
12. Tanpa \_\_\_\_\_, keperluan biologi badan kita tidak dapat dicapai dan kita tidak boleh hidup.
- motivasi
  - naluri
  - secondary drive*
  - primary drive*

13. Dorongan untuk mencapai kepuasan melalui kejayaan dalam pelajaran adalah contoh \_\_\_\_\_.
- primary drive*
  - secondary drive*
  - motivasi luar biasa
  - tiada jawapan di atas
14. Teori Pengurangan Rangsangan (*Drive Reduction Theory*) mencadangkan bahawa motivasi adalah bertujuan \_\_\_\_\_.
- untuk pencapaian selepas dapat memenuhi dorongan utama
  - untuk dorongan yang tidak secara langsung berkait dengan keperluan biologi
  - untuk mengurangkan tahap dorongan dalaman
  - semua jawapan di atas
15. \_\_\_\_\_ adalah tindak balas yang didorong oleh motivasi untuk mengurangkan dorongan akibat dari ketidakselesaan apabila dorongan utama/*primary drive* tidak dipenuhi dan mengembalikan badan kepada keadaan homeostasis.
- Gelung maklum balas negatif (*negative feedback loop*)
  - Teori pengurangan rangsangan (*drive reduction theory*)
  - Teori penentuan sendiri (*self-determination theory*)
  - Naluri
16. Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*) mengatakan bahawa kita perlu berasa \_\_\_\_\_ kepada orang lain.
- cekap, autonomi, berkaitan
  - bermotivasi (*motivated*)
  - bercita-cita tinggi (*ambitious*)
  - semua jawapan di atas
17. Mengikut Teori Penentuan Kendiri (*self-determination theory*), kita mempunyai dua jenis motivasi iaitu \_\_\_\_\_.
- motivasi autonomi dan motivasi terkawal
  - motivasi pertama dan motivasi kedua
  - motivasi berkaitan dan motivasi dorongan
  - semua jawapan di atas

18. Matlamat atau keinginan yang mendorong kita untuk memenuhi merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*)
  - B. Insentif
  - C. Naluri
  - D. *Primary drive*
19. Terdapat dua jenis motivasi insentif iaitu \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
- A. motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik
  - B. motivasi utama, motivasi sekunder
  - C. motivasi asas, motivasi ekstrinsik
  - D. tiada jawapan di atas.
20. \_\_\_\_\_ adalah bahagian tertentu dalam otak yang mengukur paras glukos kita dalam aliran darah.
- A. Darah
  - B. Air
  - C. *Hypotalamus*
  - D. Sistem saraf
21. Salah satu cara untuk menentukan berat badan berlebihan dan obesiti adalah dengan melihat \_\_\_\_\_.
- A. penimbang
  - B. lemak dalam badan
  - C. saiz baju
  - D. *Body Mass Index (BMI)*
22. Obesiti boleh membawa kepada risiko yang tinggi untuk \_\_\_\_\_.
- A. hipertensi
  - B. kencing manis
  - C. masalah tidur
  - D. semua jawapan di atas
23. Faktor yang menyumbang kepada obesiti adalah \_\_\_\_\_.
- A. pemakanan yang tidak baik
  - B. senaman yang berlebihan
  - C. tidur yang melampau
  - D. kerja yang berlebihan

24. \_\_\_\_\_ boleh menyebabkan orang yang mempunyai berat badan berlebihan mengalami rasa rendah diri (*low self-esteem*).
- A. Insentif
  - B. Masalah tidur
  - C. Prejudis
  - D. Gemuruh (*nervous*)
25. Prejudis terhadap orang gemuk adalah satu fenomena budaya di mana golongan ini \_\_\_\_\_.
- A. sering diejek
  - B. terasing secara sosial
  - C. didiskriminasi di tempat kerja
  - D. semua jawapan di atas
26. Teori Emosi \_\_\_\_\_ adalah bercorak unik.
- A. Cannon-Bard
  - B. James-Lange
  - C. Lazarus
  - D. Maslow
27. Diet yang betul adalah dengan mengurangkan pengambilan \_\_\_\_\_.
- A. makanan dan banyak senaman
  - B. makanan dan kurangkan tidur
  - C. kalori supaya badan akan membakar lemak yang berlebihan
  - D. makanan dan minuman tanpa sukatan
28. Metabolik basal (*basal metabolic*) adalah kadar \_\_\_\_\_.
- A. badan membakar tenaga dalam badan ketika bekerja
  - B. badan membakar tenaga dalam badan ketika berehat
  - C. badan membakar tenaga dalam badan pada setiap masa
  - D. semua jawapan di atas
29. Salah satu sebab biologi terjadinya obesiti adalah kerana orang itu mempunyai kadar \_\_\_\_\_.
- A. pembakaran tenaga yang lemah
  - B. metabolik yang rendah
  - C. senaman yang sedikit
  - D. makanan yang banyak

30. \_\_\_\_\_ adalah antara faktor biologi yang menyebabkan obesiti.
- A. Nutrisi
  - B. Kandungan lemak
  - C. Kadar metabolism
  - D. Semua jawapan di atas
31. Berikut adalah jenis kecelaruan makan (*eating disorder*) **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. *bulimia nervosa*
  - B. *anorexia nervosa*
  - C. *binge eating disorder*
  - D. obesiti
32. Cecair dalam badan adalah penting kerana \_\_\_\_\_.
- A. potassium dan sodium dapat mengalir
  - B. membolehkan ion untuk bergerak ke dalam dan keluar sel-sel
  - C. dapat mengelakkan keruntuhan sistem saraf (*collapse of nervous system*)
  - D. semua jawapan di atas
33. *Opponent-process theory* adalah teori motivasi yang menyatakan bahawa badan akan mengatasi kesan dadah yang ditelan dengan \_\_\_\_\_.
- A. menghentikan kesakitan daripada berpanjangan
  - B. melaraskan tahap rangsangan pada arah yang bertentangan pada kesan dadah
  - C. mengelakkan pergantungan pada ubat
  - D. pengambilan dos dadah yang lebih kecil di masa hadapan
34. Berikut adalah teori emosi **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. Teori James-Lange
  - B. Teori Cannon-Bard
  - C. Schachter-Singer Two Factor
  - D. Teori Goleman
35. *Nature* adalah \_\_\_\_\_.
- A. diwarisi secara biologi/genetik
  - B. semua pengaruh alam sekitar fizikal dan sosial
  - C. kita berfikir dan melihat peristiwa yang berlaku
  - D. pengaruh kawan-kawan

36. Reseptor adalah salah satu langkah untuk \_\_\_\_\_.  
A. reaksi yang kompleks  
B. mekanisme yang bertentangan  
C. kesan dadah  
D. memelihara air dalam badan
37. Emosi boleh dibezakan daripada motivasi kerana ia dicetuskan oleh \_\_\_\_\_.  
A. kerutan muka  
B. tingkah laku  
C. perkara di luar badan kita  
D. maklum balas yang diterima
38. Menurut Teori Emosi Lazarus, penilaian kognitif dibuat berdasarkan keadaan yang \_\_\_\_\_.  
A. merangsang fisiologi  
B. denyutan jantung  
C. menentukan emosi  
D. cenderung untuk mengawal cara berfikir
39. Pada zaman kanak-kanak dan awal remaja, otak \_\_\_\_\_ dan membuang sambungan yang tidak perlu, dengan itu mengurangkan jumlah bilangan sinaps.  
A. menyekat  
B. memindahkan  
C. membuka  
D. mencantas
40. Otak seorang kanak-kanak adalah sangat \_\_\_\_\_ dengan neuron berbanding otak orang dewasa.  
A. lemah  
B. kuat  
C. padat  
D. sihat
41. Di peringkat kanak-kanak, jika otak rosak di kawasan tertentu, kawasan otak yang lain boleh mengimbangi dengan \_\_\_\_\_.  
A. menyembuhkan semula secara semulajadi  
B. menyusun semula sambungan neural  
C. membuang sambungan yang tidak perlu  
D. mencantas dan membaiki kawasan yang rosak

42. Diet yang betul adalah dengan mengurangkan pengambilan \_\_\_\_\_ supaya badan membakar \_\_\_\_\_ yang berlebihan.
- gula; kalori
  - kalori; lemak
  - makanan; kalori
  - makanan; lemak
43. Salah satu penyebab obesiti adalah kerana manusia mempunyai \_\_\_\_\_.
- kalori yang berlebihan
  - sistem pencernaan yang rendah
  - kadar metabolismik yang rendah
  - semua di atas
44. Tiga konsep kepada Teori Piaget adalah \_\_\_\_\_.
- autoritarian, autoritatif, permisif (*authoritarian, authoritative, permissive*)
  - autonomi, malu, ragu (*autonomy, shame, doubt*)
  - skema, asimilasi, penyesuaian (*schema, assimilation, accommodation*)
  - orientasi, ketaatan, hukuman (*orientation, obedience, punishment*)
45. Proses mengambil maklumat baru yang sedia ada dalam skema (*schema*) dipanggil \_\_\_\_\_.
- autonomi
  - assimilasi (*assimilation*)
  - penyesuaian (*accommodation*)
  - orientasi
46. \_\_\_\_\_ melibatkan pengubahan skema (*schema*) yang sedia ada atau idea sebagai hasil daripada maklumat baru atau pengalaman baru.
- Modifikasi
  - Assimilasi (*assimilation*)
  - Penyesuaian (*accommodation*)
  - Adaptasi
47. Berikut adalah empat *Piaget's Stages of Cognition* KECUALI \_\_\_\_\_.
- Sensorimotor*
  - Preoperational*
  - Formal Operation*
  - Moral Reasoning*

- 10 -

48. Pada peringkat \_\_\_\_\_, kanak-kanak belajar melalui simbol dan mempercayai perkara yang tidak logik disebabkan pengalaman mereka yang terhad.
- A. *sensorimotor*
  - B. *preoperational*
  - C. *concrete operation*
  - D. *formal operation*
49. *Zone of Proximal Development* (ZPD) adalah \_\_\_\_\_ antara apa yang kanak-kanak sudah boleh lakukan dan apa yang tidak mampu dilakukan tanpa bantuan.
- A. kebolehan
  - B. gap/jurang
  - C. kemahiran
  - D. refleks
50. Terdapat tiga gaya bayi, umumnya bayi dalam mood yang baik, mempunyai corak makan dan tidur yang tetap dan bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam rutin mereka adalah \_\_\_\_\_.
- A. bayi sukar
  - B. bayi mudah
  - C. bayi lambat mesra
  - D. tiada jawapan di atas.
51. Berikut adalah tiga jenis gaya keibubapaan (*parenting styles*) **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. *authoritarian*
  - B. autoritatif
  - C. permissif
  - D. taat
52. \_\_\_\_\_ mempunyai kawalan tahap yang tinggi dan menunjukkan tahap kasih sayang yang sedikit terhadap anak-anak mereka.
- A. *Authoritarian*
  - B. Authoritatif
  - C. Permissif
  - D. Taat

53. \_\_\_\_\_ menunjukkan kemesraan dan kasih sayang, mempunyai kawalan yang sangat sedikit atas anak-anak mereka. Disiplin adalah sangat longgar.
- A. *Lassiez faire*
  - B. Authoritatif
  - C. Permissif
  - D. *Authoritarian*
54. Dalam *Erikson's Stages of Psychosocial Development*, terdapat \_\_\_\_\_ peringkat personaliti.
- A. enam
  - B. lapan
  - C. lima
  - D. empat
55. Pada setiap peringkat *Erikson's Stages of Psychosocial Development*, manusia mengalami konflik yang berfungsi sebagai satu \_\_\_\_\_.
- A. cara ke arah perkembangan peribadi
  - B. titik perubahan dalam perkembangan diri mereka
  - C. permulaan kesan daripada peristiwa yang berlaku
  - D. permulaan dalam membina kepercayaan pada orang lain
56. Pada peringkat \_\_\_\_\_ tahun pertama kehidupan, bayi bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk memenuhi keperluan mereka.
- A. *trust vs mistrust*
  - B. *initiative vs guilt*
  - C. *identity vs role confusion*
  - D. *integrity vs despair*
57. Bila umur meningkat tua, \_\_\_\_\_ akan merosot.
- A. bilangan sinaps (*synapses*)
  - B. neuron
  - C. memori kerja (*working memory*)
  - D. sambungan pada otak
58. *Vygotsky's Theory of Cognitive Development* menekankan kepentingan \_\_\_\_\_.
- A. prinsip yang berbeza
  - B. budaya dan interaksi sosial
  - C. memperoleh pengetahuan melalui pengalaman
  - D. pemerhatian untuk belajar

59. Kehilangan ingatan dan \_\_\_\_\_ tidak dapat dielakkan dalam diri kita sebagai orang dewasa.
- cara berinteraksi
  - penurunan dalam kebolehan mental
  - penglihatan
  - penurunan integriti
60. \_\_\_\_\_ adalah satu daripada empat peringkat (phase) dalam pembangunan dewasa dan dunia kerja.
- Deceleration phase*
  - Starting phase*
  - Working phase*
  - Establishment phase*
61. *Establishment phase* adalah peringkat di mana manusia \_\_\_\_\_.
- meneroka bakat yang ditetapkan dalam pekerjaan tertentu
  - baru mula bekerja
  - sudah bersara dan berhenti kerja
  - sedang membina kerjaya dalam kehidupan
62. *Deceleration phase* adalah peringkat di mana manusia bersedia untuk \_\_\_\_\_.
- berhenti kerja sepenuh masa
  - persaraan akan datang
  - pembangunan dalam kerjaya
  - meneroka bakat yang ditetapkan dalam pekerjaan tertentu
63. \_\_\_\_\_ adalah cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan kita terhadap orang, tempat, atau benda.
- Insentif
  - Naluri (*instinct*)
  - Sikap (*attitudes*)
  - Tindak balas (*responds*)
64. Jika \_\_\_\_\_ tidak berfungsi/tidak responsif, ia akan “*tipu (trick)*” otak kita untuk berfikir bahawa badan kita adalah sangat rendah makanan.
- darah
  - air
  - hypothalamus
  - sistem saraf

65. Hukuman (*punishment*) adalah keadaan di mana anda dikenakan hukuman kerana mempunyai sikap tertentu, maka sikap itu akan \_\_\_\_\_.  
A. hilang  
B. kekal  
C. menjadi lemah  
D. berubah
66. Pembelajaran melalui pemerhatian merujuk kepada \_\_\_\_\_.  
A. melihat dan meniru tingkah laku orang lain  
B. cara untuk mempengaruhi cara sikap itu berkembang  
C. cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan  
D. penilaian terhadap orang, isu, objek atau peristiwa
67. Kita mendapati sikap kita \_\_\_\_\_ dengan ibu bapa kita atau orang yang rapat dengan kita.  
A. agak sama  
B. sangat berbeza  
C. ganjil  
D. tiada jawapan di atas
68. *Cognitive consistency* bermaksud kita \_\_\_\_\_.  
A. merasa tidak selesa apabila terdapat ketidakselarasan antara sikap  
B. keinginan untuk mengelakkan seseorang kerana sikapnya  
C. keinginan untuk mempunyai sikap dan tingkah laku yang berbeza  
D. semua jawapan di atas
69. Perbezaan di antara sikap (*attitudes*) adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_, manakala kelakuan (*behaviors*) adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.  
A. apa yang anda rasa; tindakan anda  
B. tindakan anda; apa yang anda rasa  
C. apa yang anda rasa; pendapat anda  
D. tindak balas yang berlaku; bersama tindakan susulan
70. *Cognitive Dissonance Theory* meramalkan bahawa kita akan mempunyai motivasi untuk \_\_\_\_\_.  
A. mengekalkan sikap kita kerana kita rasa sangat selesa  
B. belajar dengan menonton bagaimana orang lain melakukannya  
C. menukar sikap kita kerana kita rasa tidak selesa dengan keadaan itu  
D. tiada jawapan di atas

71. \_\_\_\_\_ adalah kecenderungan yang boleh diwarisi.
- A. Obesiti
  - B. Kecantikan
  - C. Iman
  - D. Prejudis
72. \_\_\_\_\_ adalah suatu keadaan di mana dalam pengaruh sosial, seseorang cuba untuk menukar sikap kita.
- A. Percanggahan (*dissonance*)
  - B. Pujuhan (*persuasion*)
  - C. Sikap (*attitudes*)
  - D. Kelakuan (*behaviors*)
73. “*Impression Formation*” adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. cara kita memahami dan membuat pertimbangan mengenai orang lain
  - B. cara kita boleh meramalkan orang lain bertindak balas
  - C. mempunyai kefahaman yang baik tentang ciri-ciri dan kebolehan orang lain
  - D. semua jawapan di atas
74. \_\_\_\_\_ adalah apabila kita menilai seseorang, memerhatikan tingkah laku dan cuba untuk menentukan punca tingkah laku tersebut.
- A. *Attribution*
  - B. *Trait attribution*
  - C. *Situational attribution*
  - D. *Attribution error*
75. \_\_\_\_\_ ialah kecenderungan kita untuk menggunakan maklumat yang berlebihan apabila menilai orang lain.
- A. *Fundamental attribution error*
  - B. *Trait attribution*
  - C. *Situational attribution*
  - D. *Individualistic cultures*
76. \_\_\_\_\_ menekankan tingkah laku dan kejayaan individu dan bukan kumpulan.
- A. *Individualistic cultures*
  - B. *Collectivistic cultures*
  - C. Prejudis
  - D. *Fundamental attribution error*

77. \_\_\_\_\_ menekankan tingkah laku dan kejayaan kumpulan lebih daripada individu.
- A. *Individualistic cultures*
  - B. *Collectivistic cultures*
  - C. *Situational attribution*
  - D. *Fundamental attribution error*
78. \_\_\_\_\_ adalah berdasarkan bangsa, jantina, orientasi seksual, umur, agama, negara asal dan perbezaan lain yang membuatkan orang tertentu tidak suka antara satu sama lain.
- A. Prejudis
  - B. Bias
  - C. Stereotaip
  - D. Benci
79. Manakah antara berikut **BUKAN** jenis prejudis?
- A. Prejudis
  - B. Perkauman
  - C. Stereotaip
  - D. Diskriminasi
80. \_\_\_\_\_ adalah keadaan apabila seseorang itu bimbang orang lain akan menilai dirinya bukan berdasarkan kelayakan/kebolehannya tetapi berdasarkan latarbelakangnya.
- A. *Aversive racism*
  - B. Ancaman
  - C. Prejudis
  - D. Stereotaip
81. Prejudis boleh berkembang melalui proses \_\_\_\_\_.  
A. *classical conditioning*  
B. *operant conditioning*  
C. *observational learning*  
D. semua jawapan di atas

82. Pengalaman yang kita lalui dengan kumpulan yang tertentu, pendedahan terhadap model yang ada, ganjaran dan hukuman yang kita terima dalam kehidupan mempunyai kuasa dalam membentuk \_\_\_\_\_ dan sikap \_\_\_\_\_ seseorang.
- A. *aversive racism; stereotype*
  - B. *stereotype; prejudis*
  - C. *discrimination; stereotype*
  - D. *stereotype threat; discrimination*
83. Teori ini menyatakan bahawa hubungan antara kumpulan adalah salah satu cara yang berkesan untuk mengurangkan prejudis dalam kalangan manusia.
- A. *Contact hypothesis*
  - B. *Scapegoat*
  - C. *Aversive racism*
  - D. *Stereotype threat*
84. “*Proximity*” merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. daya tarikan fizikal
  - B. keakraban jarak fizikal/geografi
  - C. kecenderungan untuk mempunyai minat yang sama
  - D. mempunyai sikap yang agak serupa
85. Faktor yang memberi kesan kepada ketaatan merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. pihak yang berkuasa (*authority figure*)
  - B. masa permintaan (*timing of request*)
  - C. peningkatan dalam tahap kejutan (*increase in shock level*)
  - D. semua jawapan di atas
86. Manakah antara faktor personaliti yang berkait rapat dengan masalah kemurungan dan stres?
- A. *Type A*
  - B. *Type B*
  - C. Ketabahan
  - D. Tidak berdaya

87. Dalam “*Biological Theories of Aggression*” lelaki dikatakan lebih agresif daripada wanita kerana \_\_\_\_\_.  
A. galakan kawan-kawan  
B. mereka dipercayai mempunyai tahap *testosterone* yang lebih tinggi  
C. tahap *serotonin* yang lebih tinggi  
D. mereka dilahirkan begitu
88. Kelakuan *altruism* bermaksud \_\_\_\_\_.  
A. berfikir sama ada hendak menolong atau tidak  
B. membantu orang lain tanpa didorong oleh kepentingan diri sendiri  
C. lebih suka memantau dari jauh  
D. menjadi saksi ketika darurat
89. Stres merujuk kepada \_\_\_\_\_.  
A. peristiwa di mana kita bertindak balas kerana ia adalah mencabar  
B. perubahan dalam kehidupan seseorang yang memerlukan pelarasan semula  
C. keadaan yang di mana kita tiada masa untuk berehat  
D. gangguan dan kekecewaan yang berlaku setiap hari
90. Manakah antara berikut **BUKAN** jenis stres?  
A. peristiwa-peristiwa hidup utama (*major life events*)  
B. malapetaka  
C. keliru  
D. konflik
91. Peristiwa traumatis yang tidak dijangka boleh memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan psikologi seseorang.  
A. Betul  
B. Salah
92. Stereotaip adalah skema untuk kumpulan tertentu.  
A. Betul  
B. Salah
93. *Bystander effect* menyatakan bahawa lagi ramai saksi ketika darurat, maka kurang kemungkinan salah seorang daripada mereka untuk menawarkan bantuan.  
A. Betul  
B. Salah

94. Takut, rasa tidak selamat dan rasa tidak dihargai adalah antara emosi negatif yang memberi kesan kepada tekanan.
- A. Betul  
B. Salah
95. *Exhaustion stage* adalah peringkat kedua yang membuatkan badan lebih terdedah kepada lebih daripada satu penyakit.
- A. Betul  
B. Salah
96. Pada yang menghadapi stres, *biofeedback* dapat membantu individu dengan memantau dan mengawal perubahan dengan cara yang berkesan.
- A. Betul  
B. Salah
97. Makan dengan diet yang betul dan rehat yang cukup bukanlah cara untuk mengurangkan stres atau pemulihan tingkah laku.
- A. Betul  
B. Salah
98. *Aversive racism* adalah apabila seorang dari sesuatu bangsa lain merasa seronok bila berada berdekatan dengan seseorang dari bangsa yang berbeza.
- A. Betul  
B. Salah
99. Pengalaman yang kita lalui dengan kumpulan yang tertentu, pendedahan terhadap model yang ada, ganjaran dan hukuman yang kita terima dalam kehidupan dapat membentuk stereotype dan sikap prejedis seseorang.
- A. Betul  
B. Salah
100. *Hostile aggression* adalah bertujuan untuk menakutkan orang lain.
- A. Betul  
B. Salah